



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KERELEVANAN KURIKULUM STANDARD KOLEJ VOKASIONAL BIDANG TEKNOLOGI KIMPALAN DENGAN KEHENDAK SEKTOR INDUSTRI

MD. NIZAM BIN NASIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGAJIAN KURIKULUM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat kerelevanan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) bidang Teknologi Kimpalan dengan kehendak sektor industri terhadap tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar semasa menjalani latihan industri. Pendekatan tinjauan melibatkan soal selidik dan disokong dengan kaedah temubual telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara pensampelan bertujuan melibatkan 71 orang pelajar Kolej Vokasional Shah Alam dalam bidang Teknologi Kimpalan yang menjalani program latihan industri dan 2 orang pihak majikan di sektor industri di mana pelajar ditempatkan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif manakala kaedah temubual pula melibatkan tema temubual yang telah ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan Min = 4.38, Sisihan Piawai = 0.302 bagi tahap (pengetahuan), Min = 4.38, Sisihan Piawai = 0.356 bagi tahap (kemahiran) dan Min = 4.48, Sisihan Piawai = 0.356 bagi tahap (sikap). Dapatan melalui temubual dengan pihak majikan menunjukkan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap sikap pelajar bagi kerja pemotongan logam, kerja mengimpal arka dan prosedur penggunaan mesin kimpalan berada di tahap yang memuaskan. Secara keseluruhannya, KSKV Teknologi Kimpalan adalah relevan dan memenuhi kehendak industri. Implikasinya pihak Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia dapat menjalinkan hubungan kolaborasi yang lebih rapat dengan pihak industri dalam merangka KSKV supaya hasilnya lebih selaras dengan kehendak industri dalam semua aspek.





THE RELEVANCY OF VOCATIONAL COLLEGE STANDARD CURRICULUM IN WELDING TECHNOLOGY FIELD WITH THE INDUSTRIAL SECTOR NEEDS

ABSTRACT

The aim of the study is to find out the relevance of a Vocational College Standard Curriculum (VCSC) in Welding Technology with the industrial sector needs in term of knowledge level, skills and students' attitude during industrial training. This study uses the survey approach that involves questionnaires and supported by interview. The selection of samples is done by using purposeful sampling that comprise 71 students of Welding Technology course in Shah Alam Vocational College undergoing industrial training programme and 2 employers from the industrial sector where the students were attached to. Data collected through survey questionnaire was analyzed using descriptive analysis and the interview was analyzed based on pre-determined themes.. The finding shows that Mean = 4.38, Standard Deviation = 0.302 for Knowledge level, Mean = 4.38, Standard Deviation = 0.356 for Skill level, Mean = 4.48, Standard Deviation = 0.356 for Attitude level. The finding through interview with the employers shows that the students' Knowledge, Skill and Attitude level for Metal Cutting, Arc Welding Work and Procedure for using welding machines is at satisfactory level. Overall finding shows that the VCSC in Welding Technology is relevant and fulfils the industrial needs. It implicates that the Technical and Vocational Division of the Ministry of Education, Malaysia can have close collaboration with the industries in designing the VCSC so that the output is more in line with the industrial needs in all aspects.



**KANDUNGAN****Muka surat****PENGAKUAN** ii**PENGHARGAAN** iii**ABSTRAK** iv**ABSTRACT** v**KANDUNGAN** vi**SENARAI JADUAL** xiii**SENARAI RAJAH** xvi**SENARAI SINGKATAN** xvii**SENARAI LAMPIRAN** xx**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3 Pernyataan Masalah 8

1.4 Objektif Kajian 13

1.5 Persoalan Kajian 13

1.6 Kerangka Konseptual Kajian 14

1.7 Kepentingan Kajian 15

1.7.1 BPTV, Kementerian Pendidikan Malaysia 15



1.7.2	Pihak pentadbiran KV Shah Alam	16
1.7.3	Pelajar	16
1.7.4	Pihak Majikan	16
1.7.5	Tenaga pengajar KV Shah Alam	17
1.7.6	Program latihan industri di KV Shah Alam	17
1.8	Batasan Kajian	18
1.9	Definisi Istilah dan Operasi	18
1.9.1	Latihan Industri (<i>On Job Training</i>)	18
1.9.2	Pihak Majikan	19
1.9.3	Pekerja Separa Mahir	19
1.9.4	Pekerja Mahir	20
1.9.5	Pengetahuan	20
1.9.6	Kemahiran	21
1.9.7	Sikap	21
1.10	Rumusan	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)	25
2.2.1	Laluan pendidikan vokasional	28
2.3	Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV)	29
2.4	KSKV Teknologi Kimpalan di KV Shah Alam	32

2.4.1	Organisasi Menegak	33
2.4.1.1	Urutan	33
2.4.1.2	Kesinambungan	34
2.4.2	Organisasi Mendatar	35
2.4.2.1	Skop	35
2.4.2.2	Kesepaduan	35
2.4.2.3	Keseimbangan	36
2.4.3	Kandungan KSKV Teknologi Kimpalan di KV Shah Alam	37
2.4.4	Kaedah Pelaksanaan KSKV Teknologi Kimpalan di KV Shah Alam	37
2.4.5	Format KSKV Teknologi Kimpalan di KV Shah Alam	38
2.4.6	Pentaksiran KSKV Teknologi Kimpalan di KV Shah Alam	39
2.4.6.1	Dokumen Pentaksiran Standard Kompetensi (DSPK)	40
2.4.6.2	Pentaksiran Rujukan Standard	41
2.5	Kolej Vokasional (KV)	42
2.6	Program di KV	45
2.6.1	Program Sepenuh Masa	45
2.6.2	Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	46
2.7	Domain Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap	48
2.7.1	Pengetahuan	49

2.7.2	Kemahiran	50
2.7.3	Sikap	51
2.8	Program Latihan Industri	52
2.9	Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia	54
2.10	Pendidikan Vokasional Di Luar Negara	57
2.10.1	Pendidikan Vokasional di Indonesia	58
2.10.2	Pendidikan Vokasional di Thailand	58
2.10.3	Pendidikan Vokasional di Korea	59
2.10.4	Pendidikan Vokasional di Finland	60
2.11	Model Context, Input, Process & Product (CIPP)	61
2.12	Teori KOLB	63
2.13	Dapatan Kajian Yang Lepas	67
2.14	Rumusan	69

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	71
3.2	Reka bentuk Kajian	72
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	73
3.4	Instrumen	75
3.4.1	Soal Selidik	75
3.4.1.1	Kesahan Soal Selidik	76
3.4.1.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik	78

3.5	Temubual	79
3.5.1	Kesahan Instrumen Temubual	80
3.5.2	Kebolehppercayaan Instrumen Temubual	81
3.6	Kajian Rintis di Kolej Vokasional (KV) Slim River, Perak	81
3.6.1	Dapatan Kajian Rintis	83
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	84
3.8	Analisis Data	86
3.8.1	Soal Selidik	87
3.8.2	Temubual	88
3.9	Prosedur Kajian	90

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	94
4.1.1	Dapatan Soal Selidik	95
4.1.2	Dapatan Temubual	96
4.2	Analisis Deskriptif	96
4.3	Analisis Dapatan Soal Selidik dan Temubual (Tahap Pengetahuan - Kognitif)	97
4.3.1	Analisis Dapatan Soal Selidik Bahagian 1 (Tahap Pengetahuan - Kognitif)	97
4.3.2	Analisis Dapatan Temubual (Persepsi Tahap Pengetahuan)	102
4.3.2.1	Tema Temubual	113

4.4	Analisis Dapatan Soal Selidik dan Temubual (Tahap Kemahiran - Psikomotor)	117
4.4.1	Analisis Soal Selidik Bahagian 2 (Tahap Kemahiran - Psikomotor)	117
4.4.2	Analisis Temubual (Persepsi Tahap Kemahiran)	121
4.4.2.1	Tema Temubual (Tahap Kemahiran – Psikomotor)	129
4.5	Analisis Soal Selidik dan Temubual (Tahap Sikap- Nilai)	132
4.5.1	Analisis Soal Selidik Bahagian 3 (Tahap Sikap - Nilai)	132
4.5.2	Analisis Temubual (Persepsi Tahap Sikap)	137
4.5.2.1	Tema Temubual	144
4.6	Rumusan	148

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	150
5.2	Perbincangan dapatan kajian berdasarkan soal selidik dan temubual (Bahagian 1- Pengetahuan)	151
5.3	Perbincangan dapatan kajian berdasarkan soal selidik dan temubual (Bahagian 2- Kemahiran)	155
5.4	Perbincangan dapatan kajian berdasarkan soal selidik dan temubual (Bahagian 3- Sikap)	159
5.5	Rumusan	163
5.6	Impikasi dan Cadangan	166
5.6.1	Cadangan kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia	167
5.6.2	Cadangan kepada Kolej Vokasional Shah Alam, Selangor.	167



5.6.3 Cadangan kepada pensyarah. 168

5.6.4 Cadangan untuk kajian lanjutan. 168

RUJUKAN 170

LAMPIRAN 179





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
2.1	Program Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia	43
2.2	Struktur Pengajian Kursus di Kolej Vokasional	46
3.1	Skala Likert 5 Poin	76
3.2	Senarai Pakar Instrumen	77
3.3	Jadual Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha	79
3.4	Skala Penskoran Temubual	80
3.5	Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	83
3.6	Skema keputusan kajian rintis bagi setiap konstruk	86
3.7	Pendekatan dan Analisis Kajian	86
3.8	Interpretasi skor purata ke dalam 5 skala likert	87
4.1	Tahap Pengetahuan – Kognitif	97
4.2	Skala Penskoran Temubual	103
4.3	Dapatan temubual Responden (M1 01) – Tahap Pengetahuan	104
4.4	Dapatan temubual Responden (M1 02) – Tahap Pengetahuan	105
4.5	Tahap Kemahiran – Psikomotor	117
4.6	Skala Penskoran Temubual	121
4.7	Dapatan temubual Responden (M1 01) – Tahap Kemahiran	122



4.8	Dapatan temubual Responden (M1 02) – Tahap Kemahiran	123
4.9	Sikap – Nilai	132
4.10	Skala Penskoran Temubual	137
4.11	Dapatan temubual Responden (M1 01) – Tahap Sikap	138
4.12	Dapatan temubual Responden (M1 02) – Tahap Sikap	139
5.1	Min Tertinggi - Kognitif	151
5.2	Dapatan temubual Responden (M1 01) dan (M1 02)	151
5.3	Min Terendah – Kognitif	153
5.4	Dapatan temubual Responden (M1 01)	153
5.5	Dapatan temubual Responden (M1 02)	153
5.6	Min Terendah –Kognitif	155
5.7	Dapatan temubual Responden (M1 01)	155
5.8	Dapatan temubual Responden (M1 02)	156
5.9	Min Terendah –Kemahiran	158
5.10	Dapatan temubual Responden (M1 01)	158
5.11	Dapatan temubual Responden (M1 02)	158
5.12	Min Terendah –Sikap	159
5.13	Dapatan temubual Responden (M1 01) dan (M1 02)	160
5.14	Min Tertinggi - Sikap	161



5.15 Dapatan temubual Responden (M1 01) dan (M1 02)

162



**SENARAI RAJAH****No. Rajah****Muka surat**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian berdasarkan Model CIPP Stufflebeam et al.,1971	15
3.1	Prosedur Kajian	92





SENARAI SINGKATAN

ASME	<i>American Society of Mechanical Engineers</i>
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
FCAW	<i>Flux Core Arc Welding</i>
GMAW	<i>Gas Metal Arc Welding</i>
GTAW	<i>Gas Tungsten Arc Welding</i>
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
ILP	Institut Latihan Perindustrian
ILKA	Institut Kemahiran Latihan Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPT	Jabatan Pengurusan Teknikal
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KK	Kolej Komuniti
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KRIVET	<i>Korea Research Institute for Vocational Education and Training</i>
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KV	Kolej Vokasional
MIG	<i>Metal In Gas</i>
MI 01	Pihak Majikan Industri 1





MI 02	Pihak Majikan Industri 2
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
OJT	<i>On Job Training</i>
PAV	Pendidikan Aliran Vokasional
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PNGK	Penilaian Nilai Gred Kumulatif
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SMAW	<i>Shielded Metal Arc Welding</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
SPSS	<i>Statistical Packages for Sains Social</i>
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
TIG	<i>Tungsten In Gas</i>
TPV	Transformasi Pendidikan Vokasional





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TVET

Technical Vocational Education and Training

UNESCO

*United Nations Educational, Scientific and Cultural
Organization*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

Muka surat

A	Borang Soal Selidik	179
B	Analisis SPSS – Versi 20.0	185
C	Borang Temubual	191
D	Transkrip Temubual	198
E	Konvokesyen SLDN	233
F	Vocational College Standard Curriculum	234
G	Struktur Kursus	237
H	Surat kelulusan EPRD	238
I	Surat Kebenaran BPTV, KPM	239
J	Surat Memohon Kebenaran Kajian Rintis	241
K	Jadual Krejcie Morgan	242
L	Borang Maklum Balas Penyeliaan OJT	243





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Di Malaysia, Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) mula diperkenalkan dengan wujudnya Jabatan Pengurusan Teknikal (JPT) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 1964 bertujuan menerapkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar untuk memasuki alam pekerjaan di sektor industri ketika itu. Ini adalah salah satu usaha dalam meningkatkan ekonomi negara dengan merancakkan lagi sektor perindustrian dalam negara. Dengan bertambahnya sektor perindustrian, maka tenaga manusia diperlukan untuk memenuhi pasaran pekerjaan.

Kepentingan dalam pembangunan sumber manusia dalam sesebuah industri adalah penting di mana ia mampu membekalkan tenaga kerja yang juga merupakan salah satu elemen terpenting dalam proses perkembangan ekonomi negara (Oral,





2010). PTV di Malaysia telah mengalami pelbagai inovasi sejak mencapai kemerdekaan kerana PTV adalah satu program latihan berbentuk kemahiran dalam melahirkan pekerja separuh mahir atau mahir dalam sektor perindustrian. Oleh itu, tanggungjawab utama Malaysia adalah terletak kepada pembangunan sumber manusia serta pemikiran intelektual dalam menghasilkan tenaga kerja yang mencukupi dalam memberi sokongan dan seterusnya membekalkan tenaga kerja yang fleksibel, tangkas dan mempunyai pengetahuan berserta kemahiran yang relevan (Halimah, 2004).

Perkembangan PTV di Malaysia begitu pesat membangun dengan penubuhan institusi latihan daripada pelbagai agensi kerajaan. Penubuhan pelbagai institusi latihan ini menunjukkan bukti dan kesungguhan serta komitmen dalam usaha mentransformasikan PTV. Ini dibuktikan dalam Rancangan Malaysia yang Kesepuluh,



2011-2015 : Kemajuan di mana tajuk utama ialah Mentransformasi Pendidikan

Latihan Teknikal dan Vokasional dalam memenuhi permintaan industri. Dengan ini, fokus utama adalah untuk melahirkan lepasan vokasional menjadi pekerja separuh mahir atau mahir dalam memenuhi keperluan dan kehendak industri. Secara umumnya, kerjasama dua hala perlu diwujudkan di antara kedua-dua pihak iaitu institusi latihan dan pihak majikan di sektor industri. Ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam memenuhi kehendak dan aspirasi masing-masing.

Dalam menambah bilangan tenaga kerja di dalam sektor perindustrian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengubal satu Pelan Tindakan Peningkatan Pengeluaran Tenaga Teknikal yang menyebut bahawa : “Pelan Tindakan Pengeluaran Tenaga Manusia Teknikal dalam meningkatkan keluaran juruteknik dan jurutera menjelang tahun 2020 dengan menggunakan satu kaedah terancang yang radikal bagi





menjurus pelajar ke dalam bidang teknik dan vokasional semasa di sekolah menengah lagi”. Pelan ini melibatkan penawaran mata pelajaran teknikal di beberapa buah sekolah menengah atas serta pengembangan sekolah menengah teknik dan politeknik : (Sumber Kementerian Pendidikan 1996: 45). Hasil daripada Pelan Tindakan Peningkatan Pengeluaran Tenaga Teknikal pada tahun 1995 inilah berlakunya satu perubahan yang besar iaitu menaiktaraf Sekolah Menengah Vokasional (SMV) ke Sekolah Menengah Teknik (SMT) di Malaysia.

Pada tahun 1995, berlaku satu perubahan dalam PTV di mana penstrukturan semula 69 buah SMV dinaik taraf kepada SMT. Ini bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian PTV yang lebih baik kepada pelajar di samping merancang kurikulum yang selari dengan kehendak industri. Dalam memenuhi aspirasi ini, pihak KPM perlu mewujudkan jalinan usahasama dengan pihak industri. Ia dikatakan lebih berkesan dan menepati keperluan dan seterusnya dapat memperkembangkan lagi ekonomi negara. Maka dengan itu, peranan yang diambil oleh pihak industri yang terlibat menjadi faktor penting dalam melahirkan tenaga kerja yang kompetitif dan berdaya saing. Antara peranan yang paling mencabar adalah menghasilkan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak industri tempatan iaitu lebih kurang 1.3 juta tenaga kerja berkualiti pada masa hadapan (www.bptv.edu.my).

Perubahan terbesar yang dilakukan oleh KPM ialah menaik taraf SMV dan SMT kepada Kolej Vokasional (KV). Terdapat 72 SMV dan 8 buah SMT dinaik taraf menjadi KV di samping pembinaan 8 KV baharu. Dalam tempoh 2011-2014 seramai 19,747 pelajar telah berdaftar di KV. Seramai 2,700 pelajar kumpulan pertama dijangka menamatkan pengajian pada tahun 2016. Program KV ini juga dikendalikan





bersama dengan institusi latihan yang lain seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP): (Sumber dari Terbitan Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015). Kurikulumnya pula merujuk kepada Piawaian Kemahiran Guna Tenaga Kebangsaan (NOSS), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan lain-lain bentuk pensijilan yang diiktiraf oleh pihak industri.

Kurikulum yang terdapat di KV dikenali sebagai Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). KSKV tersebut merangkumi elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan, kemahiran insaniah dan kemahiran teknologi yang digabung jalin dengan keperluan industri serta badan professional (www.bptv.edu.my). Dalam KSKV tersebut, komposisi akademik dikurangkan dan penambahan amalan industri atau amali teknikal kepada pelajar akan dilakukan (Ismail, 2011).



1.2 Latar Belakang Kajian

Pertumbuhan ekonomi negara semestinya memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran dalam memenuhi keperluan sektor industri. Ini adalah untuk menambah bekalan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan untuk membantu pembangunan ekonomi berdasarkan pengetahuan dan latihan. Sistem pendidikan diorientasikan semula untuk membolehkan pelajar memperolehi pengetahuan yang tinggi serta kemahiran berfikir dan bersifat keusahawanan. Salah satu objektif penubuhan KV ialah menghasilkan pelajar berkemahiran pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri. Oleh itu, orientasi pembelajaran adalah berasaskan pekerjaan. Pendidikan dan latihan di KV berperanan penting dalam menghasilkan





tenaga kerja mahir. Kelayakan dan kemahiran lepasan KV perlu diiktiraf oleh pihak industri dan diterima oleh pasaran kerja.

Sistem pendidikan di Malaysia sentiasa melalui proses transformasi dan pembaharuan dari masa ke semasa seiring dengan peredaran zaman (Muhyiddin, 2009). Menurut Mohd. Puad (2011), kurikulum vokasional dirombak secara komprehensif supaya mencapai standard yang memenuhi keperluan pasaran kerja dan pasaran semasa. Melalui program di tempat kerja yang sebenar, pelajar akan mendapat pengalaman baru di mana pelajar mengalami sendiri dalam merasai suasana kerja yang sebenar di dalam sektor industri. Tenaga kerja yang berkualiti memberi maksud pekerja yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang pekerjaan.



KV adalah salah satu institusi yang dipertanggungjawabkan untuk melatih dan memberi kemahiran kepada pelajar. Objektif penubuhan KV ialah, (1) menghasilkan pelajar berkompentensi pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri; (2) memupuk watak profesional; (3) melahirkan pelajar berkompentensi usahawan dalam bidang vokasional pilihannya; (4) membekalkan ilmu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan (5) memupuk kecintaan kepada pembelajaran sepanjang hayat (KPM 2011a).

Salah satu ciri yang terdapat dalam konsep pembentukan KV ialah orientasi pembelajaran berasaskan pekerjaan. Pelajar-pelajar di KV dilatih menjadi pekerja separa mahir atau mahir. Selain mendapat latihan di KV, pelajar perlu diberi pendedahan tentang realiti dunia sebenar di alam pekerjaan. Oleh itu, dalam program KSKV Teknologi Kimpalan di KV Shah Alam terdapat satu program yang baharu





diperkenalkan iaitu Latihan industri selama 4 bulan. Latihan industri atau lebih dikenali sebagai *On Job Training* (OJT) mula diperkenalkan dan adalah satu program latihan awal yang diberikan kepada pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar di sektor industri dan merupakan satu komponen utama dalam KSKV Teknologi Kimpalan.

Dalam PTV, latihan industri adalah salah satu aspek yang perlu ditekankan di dalam setiap kurikulum yang ada dalam organisasi atau institusi pendidikan yang menjalankan program latihan vokasional. Di KV, pelajar akan ditempatkan di organisasi yang menjalankan kerjasama dengan KV dalam program latihan industri selama 4 bulan. Pelajar disyaratkan lulus dalam latihan industri sebelum diperakukan untuk penganugerahan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Tujuan latihan industri ini adalah untuk memberi pendedahan alam pekerjaan yang sebenar kepada pelajar.

Tujuan latihan industri di KV pula adalah untuk memberi pendedahan alam pekerjaan kepada pelajar, meluaskan lagi pengetahuan pelajar, memberi pengalaman industri kepada pelajar, membolehkan pelajar mengaitkan pengetahuan yang diperolehi dengan alam pekerjaan yang sebenarnya serta menambahkan keyakinan diri. Ini berikutan sasaran program KV iaitu 70 peratus graduan bekerja di industri, 20 peratus melanjutkan pelajaran dan latihan lanjutan manakala 10 peratus lagi menceburi bidang keusahawanan. Bagi mencapai sasaran itu, beberapa langkah awal sudah dilaksanakan melalui hubungan rapat dengan industri termasuk pelaksanaan latihan industri pada semester akhir pengajian.

